



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM MELAWAT BILIK BEDAH DI
HOSPITAL DUNGUN, TERENGGANU**

1. YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam hari ini mengadakan lawatan projek lambat siap ke tapak projek Hospital Dungun, Terengganu bagi meninjau persiapan akhir pembinaan bangunan tersebut terutamanya bilik-bilik pembedahan.
2. Sesuai dengan kerajaan MADANI yang sedang berusaha untuk mengangkat kesejahteraan rakyat dan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada semua, penyediaan perkhidmatan hospital pakar kerajaan adalah salah satu sumbangan kerajaan terutama kepada rakyat kurang berkemampuan.
3. Bukan itu sahaja, malahan jika lihat dari segi aspek lain, hospital pakar dapat membuka luas prospek dan kerjaya semua peringkat dan jenis profesional untuk klinikal dan bukan klinikal seperti doktor, jururawat, personel bersekutu atau peranan pentadbiran dan pengurusan. Malahan peluang pekerjaan untuk sektor-sektor lain juga terbuka luas seperti pekerjaan dalam bidang perkhidmatan pembersihan, pemakanan dan sebagainya.
4. Ini adalah perkembangan positif bagi rakyat Terengganu kerana bakal menikmati perkhidmatan daripada Hospital Dungun yang dijangka akan menjadi hospital pakar ketiga di sini.
5. Lawatan ini juga ingin memastikan bilik-bilik pembedahan serta fasiliti-fasiliti lain di sini disediakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi menjamin kebajikan penjawat awam dan keselamatan pesakit terjamin.

6. Di samping itu, lawatan ini juga bagi mencari titik penyelesaian antara semua agensi yang terlibat seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri selaku Agensi Pusat Pemantauan Projek, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), untuk memastikan projek ini diselesaikan mengikut perancangan semasa.
7. Hospital Dungun yang mula dibina pada 2016 ini mampu beroperasi mengikut kapasiti 110 katil. Sebanyak 10 kepakaran disediakan antaranya Kecemasan, Perubatan, Pediatrik, Obstetrik dan Ginekologi, Anestesiologi, Ortopedik, Psikiatri, Pergigian dan Patologi.
8. Kerajaan sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan rakyat Terengganu dan diharapkan dengan ada fasiliti kesihatan baru tersebut akan memberikan manfaat dan meningkatkan taraf kesihatan penduduk setempat.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 22 Ogos 2023

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (50)

Pautan gambar : <https://pocketdatav2.jpa.gov.my/public/ff3956aff227dee27c1b4e60163a4b81>